

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN KAMAR KHAS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

Ucapan : Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim [Arau]
Tajuk : Masalah Kekurangan Bekalan Air Terawat di
Ucapan Perlis
Tarikh : 8 April 2019 (Isnin)
Ucapan
Kementerian : Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli

Sekarang ini di kawasan utara terutamanya di Perlis, kita menghadapi masalah kekurangan air akibat daripada musim kemarau yang sering melanda kawasan utara saban tahun. Perlis mempunyai sebuah loji memproses air yang dibina pada tahun 2007 di mana ia adalah untuk membekalkan air ke Loji Janakuasa Perlis (TTPC). Loji ini berupaya merawat 56JLH air mentah. Yang diperlukan TTPC ialah 28JLH. Ada lebihan 28JLH yang tidak digunakan dan boleh digunakan untuk penduduk-penduduk di kawasan Simpang Empat dan Sanglang. Tetapi ini tidak berlaku kerana masalah “piping dan tangki”. Kos piping dan tangki ini berjumlah tidak melebihi dari RM9 juta.

Soalan saya, bolehkah Kementerian menyediakan peruntukan ini supaya rakyat mendapat manfaat terutama pada musim-musim kemarau sebegini bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air terawat ini?

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah kapasiti reka bentuk Loji Rawatan Air (LRA) Sg. Baru boleh mencapai 56 juta liter sehari (JLH) di mana 28 JLH adalah untuk penggunaan pihak Teknologi Tenaga Perlis Konsortium (TPPC) bagi tujuan janakuasa. Manakala lebihan baki 28 JLH daripada LRA Sg. Baru ini adalah bertujuan disalurkan untuk kegunaan penduduk. Namun, daripada lebihan 28 JLH ini, hanya 14 JLH sahaja dapat diagihkan bagi penduduk di kawasan Simpang Ampat dan Sanglang. Baki 14 JLH tidak dapat diagihkan kepada penduduk disebabkan sistem agihan Syarikat Air Perlis (SAP) sedia ada tidak berupaya menampung tekanan dan tiada sambungan paip dari LRA Sg. Baru ke Tangki Simpang Ampat, Arau dan Kuala Perlis bagi membolehkan air diagihkan ke kawasan-kawasan terlibat.

2. Beberapa siri perbincangan telah diadakan bersama Kerajaan Negeri, di mana Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk melaksanakan beberapa langkah bagi menyelesaikan isu bekalan air di Perlis termasuk di kawasan Simpang Empat dan Sanglang. Antaranya termasuk:

- (i) peruntukan geran sebanyak RM50.8 juta telah diluluskan di bawah Program NRW Nasional Pendekatan 1 bagi Negeri Perlis untuk kerja-kerja penukaran meter pengguna, penukaran meter SIV, pembangunan GIS dan juga kerja-kerja pembaikan/penggantian tangki-tangki air yang rosak. Skop kerja-kerja pembaikan/penggantian tangki ini termasuklah 3 tangki air di kawasan Simpang Ampat dan selatan Perlis. Adalah dijangkakan dengan pelaksanaan kerja-kerja pembaikan/penggantian tangki-tangki ini, tekanan air di kawasan tersebut dapat distabilkan dengan kapasiti simpanan yang mencukupi dan pengagihan bekalan air secara berkesan dapat dipertingkatkan. Program ini akan mengambil masa selama dua (2) tahun dimana ianya dijangka bermula tahun pertengahan tahun 2019;
- (ii) peruntukan secara langsung sebanyak RM41 juta telah diluluskan di bawah Projek Langkah Mitigasi Jangka Pendek Perkhidmatan Bekalan Air Perlis bagi memperbaiki dan naiktaraf loji serta pam-pam yang rosak di LRA Timah Tasoh dan LRA Arau. Projek ini juga dijangka akan ditender pada pertengahan tahun ini dan pelaksanaan projek ini dijangka dapat menyelesaikan masalah bekalan air dikawasan tersebut; dan

(iii) peruntukan pinjaman berjumlah RM105 juta telah diluluskan di bawah *Rolling Plan 4* (RP4) di bawah Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11) tahun 2019 bagi kerja-kerja peningkatan sistem bekalan air di Perlis seperti berikut :-

- (a) menaiktaraf LRA Arau Fasa IV berjumlah RM28 juta;
- (b) menaiktaraf pam air mentah dan pam air bersih bertekanan tinggi di LRA Arau Fasa I, II, III dan muka sauk Guar Sanji berjumlah RM23 juta; dan
- (c) program peningkatan bekalan air terawat di LRA Timah Tasoh berjumlah RM54 juta.

3. Secara keseluruhannya, pelaksanaan projek-projek tersebut dapat menyelesaikan masalah bekalan air di kawasan yang dibangkitkan termasuk keseluruhan negeri Perlis.

Sekian, terima kasih.